



**JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK,
JALAN DIPLOMATIK OFF JALAN BAKO,
93050 PETRA JAYA,
KUCHING, SARAWAK,
MALAYSIA**

Telefon : 082-473200
Faks : 082-443053 (Pejabat Pengarah)
: 082-443075 (Pejabat Am)
: 082-443066 (Kewangan)
: 082-443033 (Sumber Manusia)



Ruj.Kami : JKNSWK/U/PJ-500/6/2()
Tarikh : 16 Mei 2017

Senarai seperti di edaran

Tuan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN
DALAMAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKN Sarawak), telah mengeluarkan satu (1) borang permohonan pertukaran dalaman Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak seperti di Lampiran A bagi menggantikan borang pertukaran yang lama.
3. Oleh yang demikian, Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki untuk menguna pakai borang permohonan baru bagi urusan permohonan pertukaran dalaman di JKN Sarawak. Perlaksanaan penggunaan borang ini berkuatkuasa mulai **5 Jun 2017**.
4. Borang ini boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang <http://jknsarawak.moh.gov.my> di bahagian informasi warga JKNS. Bersama-sama ini, disertakan borang permohonan pertukaran dalaman JKN Sarawak (lampiran A) untuk disalinkan bagi kegunaan pejabat masing-masing.
5. Perhatian dan kerjasama tuan dalam memastikan perkara ini dilaksanakan adalah dihargai.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NORMAN ANAK PETER)
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Sumber Manusia)
b.p. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak